

Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)

International Journal of Malay Letters

Jilid 1/Jan/2013, 210-227

ISSN:2289-5000

Persatuan Penulis Budiman Malaysia
Budiman Writers Association of Malaysia

**UNSUR FANTASI SEBAGAI MEDIUM PENGAJARAN DALAM
SASTERA KANAK-KANAK
[THE FANTASY ELEMENT AS A MEDIUM OF TEACHING CHILD
LITERATURE]**

Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

Serdang, Selangor.

nrafidah@upm.edu.my

ABSTRAK

Fantasi merupakan salah satu unsur yang sering terdapat dalam sastera kanak-kanak. Pada umumnya fantasi bermaksud imaginasi, angan-angan atau khayalan. Unsur fantasi mempunyai fungsi tersendiri dalam sastera kanak-kanak namun sering dibahaskan oleh segelintir masyarakat. Justeru, objektif kajian ini ialah untuk menganalisis peranan unsur fantasi dalam sastera kanak-kanak. Lantaran itu, untuk memantapkan lagi kajian pengkaji telah menggunakan kaedah tinjauan. Seramai 360 orang kanak-kanak mewakili setiap zon di Malaysia dipilih secara rawak untuk meninjau pandangan mereka akan peranan unsur fantasi sebagai medium pengajaran. Pada masa yang sama pengkaji juga menggunakan kaedah lapangan untuk meninjau pandangan 360 orang ibu bapa secara rawak yang juga mewakili setiap zon di Malaysia memandangkan peranan ibu bapa sangat penting dalam menentukan pemilihan buku untuk kanak-kanak. Dapatan kajian menunjukkan cerita fantasi kanak-kanak mempunyai fungsi sebagai medium pengajaran seperti memaparkan pembentukan moral yang baik dan juga menjana pemikiran kreatif kanak-kanak. Kelompok

kanak-kanak sebulat suara menyatakan mereka berminat terhadap buku cerita fantasi dan mereka dapat belajar sesuatu daripada buku tersebut namun berbeza dengan kelompok ibu bapa yang tidak sebulat suara bersetuju akan peranan cerita fantasi sebagai medium pengajaran kepada kanak-kanak. Kesimpulannya penyerapan unsur fantasi dalam sastera kanak-kanak adalah sesuatu yang universal dan unsur tersebut terdapat dalam cerita kanak-kanak di seluruh dunia.

Kata Kunci: Sastera, Kanak-kanak, Fantasi, Pengajaran

ABSTRACT

Fantasy is a common element in child literature. In general, fantasy means imagination or dreaming. Fantasy has its own function in child literature yet it is often debated by certain groups. Thus, the aim of this research is to analyse the role of fantasy in child literature. As such, the researcher focussed on field methodology for a more reliable outcome. 360 children were chosen at random representing every zone in Malaysia to survey their opinion on the role of fantasy as a teaching medium. Similarly, 360 parents were also picked at random representing every zone in Malaysia to identify the selection of books for their children. The outcome revealed that fantasy stories of children is closely related to the teaching medium such as cultivating moral values and creative thinking among children. The children unanimously supported that fantasy stories are more interesting and meaningful but the parents had a mixed opinion on this matter. In conclusion, the assimilation of fantasy elements in child literature is universal and these elements are apparent in the stories of children all over the world. Keywords: Literature, Children, Fantasy, Teaching

PENGENALAN

Kesusasteraan kanak-kanak merangkumi semua jenis penulisan kreatif dan imaginatif yang bersesuaian dengan dunia kanak-kanak.

Salah satu aspek yang penting dalam menulis bahan bacaan untuk kanak-kanak ialah isi dan teknik penceritaan yang dapat merangsang minat kanak-kanak untuk meneroka makna hidup daripada pelbagai dimensi. Pengarang perlu memikirkan teknik yang bagaimanakah sesuai untuk menarik minat insan kanak-kanak. Pengalaman kanak-kanak tidak seluas orang dewasa. Penggunaan teknik yang kompleks menyukarkan kanak-kanak untuk memahami mesej yang hendak disampaikan kepada mereka. Hal ini akan membuatkan mereka berasa bosan dan tidak mahu meneruskan pembacaan. Oleh itu, dapatlah dikatakan sastera kanak-kanak merupakan segala karya sastera yang mestilah bersesuaian dengan tahap umur dan pemikiran kanak-kanak.

Sehubungan itu menurut Othman Puteh, Hashim Awang, Ramli Isin, Sahlan Mohd Saman (1985:11-12) fungsi kesusasteraan Melayu melibatkan dua pihak yang saling berhubungan, iaitu pihak pembaca dan pihak pengarang. Di antara kedua-dua pihak ini, pihak pembaca perlu diberikan lebih perhatian. Ini dilakukan kerana beberapa sebab tertentu. Pertama, pembaca ialah masyarakat yang menjadi pengguna yang paling utama bagi kesusasteraan. Kedua, pembaca menjadi seperti 'pasar' yang mesti diambil tahu dan dihubungi selalu oleh pengarang. Pengarang harus tahu jenis sastera yang hendak disampaikan di samping dapat memahami sikap pembaca kesusasteraan. Ketiga, pengarang Melayu itu sama juga seperti pengarang-pengarang lain yang menulis atau bercerita dengan bertujuan supaya hasilnya dibaca atau didengar oleh orang lain. Demikianlah maka buat masyarakat, kesusasteraan Melayu dapat memberikan dua fungsi yang utama, iaitu fungsi pelajaran dan hiburan.

Menurut Hadijah Rahmat (2006: x-xi), kesusasteraan kanak-kanak dan juga bahan-bahan bacaan lain dapat berfungsi sebagai alat sosialisasi iaitu, sebagai suatu wadah atau corong penyaluran nilai-nilai masyarakat kepada generasi muda. Kesusasteraan kanak-kanak diterima dan diharapkan dapat berfungsi sebagai alat pendidikan dan juga hiburan untuk kanak-kanak melakukan sesuatu. Kesusasteraan kanak-kanak boleh menjadi pendorong atau alat motivasi yang berkesan dengan

memperkenalkan dan mendedahkannya kepada pembaca jenis-jenis kejayaan atau sesuatu lingkungan pencapaian yang baik, berguna, sesuai dan luas. (Hadijah Rahmat, 2006: xii-xiii).

Lazimnya kesusasteraan itu mempunyai peranan penting bagi masyarakat pembacanya iaitu 'pendidikan' dan 'hiburan'. Pendidikan sebagai satu daripada peranan utamanya, bermaksud dengan membaca hasil sesebuah karya kreatif itu, seseorang atau masyarakat pembaca dapat memperkaya pengalaman dan pengetahuan. Kedua, mentafsirkan hal-hal yang berkaiatan dengan kehidupan dengan lebih baik. Seterusnya, boleh menghidupkan daya imaginasi. Keempat ialah merangsang minat membaca sebagai suatu budaya hidup. Sementara peranan yang satu lagi ialah kesusasteraan dapat memberikan 'hiburan' dengan cara menimbulkan ketenangan dan kerehatan fikiran dan juga boleh memberikan suatu macam kepuasan intelektual melalui fikiran dalam bentuk rekaan atau fantasi. (Othman Puteh, 1989, 44-45)

Fungsi sastera sebagai unsur hiburan juga turut diperkatakan oleh Zalila Sharif dan Jamilah Hj. Ahmad (1993: 82). Menurut beliau lagi selain daripada berfungsi sebagai hiburan cerita-cerita teladan tersebut juga mempunyai unsur-unsur didaktik seperti pendidikan moral dan memberi pengajaran atau teladan. Pengajaran atau pendidikan tersebut biasanya lebih tertumpu kepada kanak-kanak dan kebanyakannya berupa pendidikan moral sama ada berlandaskan peraturan kehidupan sosial dan budaya atau ajaran. Justeru, sastera kanak-kanak penting sebagai medium pendidikan selain daripada memberi keseronokan kepada kanakkanak. Unsur fantasi merupakan daya penarik kepada kanak-kanak untuk meneruskan pembacaan mereka.

Kesusasteraan Kanak-Kanak Di Malaysia

Dalam konteks Malaysia sastera kanak-kanak bermula pada peringkat awal lagi iaitu dari usia 1 tahun sehingga 12 tahun. Berdasarkan peringkat perkembangan tersebut, hasil kesusasteraannya memperlihatkan perkembangan bentuknya secara berperingkat Pada umumnya perkembangan sastera kanak-

kanak itu dapat dilihat dalam empat bentuk, iaitu buku bergambar, buku cerita bergambar, buku berilustrasi, dan buku cerita. Buku bergambar untuk peringkat umur 1-2 tahun dan 3-5 tahun (pra sekolah). Buku cerita bergambar untuk kaak-kanak yang berumur 6 hingga 8 tahun, dan buku berilustrasi untuk kanak-kanak berumur 9 hingga 10 tahun. Sementara Buku cerita tanpa gambar dan ilustrasi sesuai untuk remaja yang berumur antara 11 hingga 12 tahun. Bagaimanapun di Malaysia, penulisan karya sastera kanakkanak dan remaja belum begitu lama dan mempunyai tradisi yang kukuh dibandingkan dengan penciptaan karya sastera untuk umum atau dewasa. (Othman Puteh, 1984:V). Perkembangan awal kesusasteraan kanak-kanak dalam masyarakat Melayu bermula dengan tradisi sastera lisannya. Secara sedar atau tidak sejak kecil lagi kita dedahkan dengan cerita-cerita rakyat daripada ayah, ibu, nenek mahupun datuk terutama sewaktu sedang berehat-rehat atau sewaktu hendak tidur. Dalam hal ini, Hadijah Rahmat (2006:3) ada mengatakan sastera lisan atau lebih kenali sebagai sastera rakyat, walaupun ditujukan khusus untuk santapan jiwa anggota-anggota masyarakat yang dewasa telah tersebar luas dan turut diminati oleh kanakkanak. agaimana pun menurut Hadijah Rahmat (2006:165) sehingga tahun 1982, kesusasteraan untuk kanak-kanak belum berkembang dengan baik kerana kurang perhatian yang diberikan kepadanya berbanding dengan sastera untuk pembaca atau umum. Sastera permulaan kanak-kanak bermula pada masa kanakkanak berusia satu tahun lagi. Pada peringkat umur tersebut kanakkanak sudah boleh memahami percakapan masyarakat di sekelilingnya. Dari semasa ke semasa, kanak-kanak sudah mula cuba menyebut perkataan yang mudah-mudah. Justeru buku-buku yang sesuai untuk kanak-kanak peringkat 1 hingga 2 tahun ini ialah buku bergambar tanpa perkataan. Buku – buku bergambar ini adalah seperti Haiwan, Kenderaan, Buah-buahan dan Sayur-sayuran, Hidupan Laut, dan sebagainya bertujuan untuk mengajar kanak-kanak mengenali benda-benda di sekeliling mereka. Gambar di dalam buku tersebut yang berwarna-warni dan dilukiskan dengan menarik mendorong kanak-kanak untuk mendekati buku-buku tersebut. Biasanya buku jenis ini dicetak dengan

menggunakan kertas yang berkualiti dan keras supaya tidak mudah rosak. Sehubungan dengan itu, menurut Mohd Kasim Ismail (1999: 80) dalam konteks ini buku bergambar tanpa perkataan peranan pelukis hanya menggambarkan sesuatu benda tanpa huruf atau perkataan. Misalnya pada gambar yang dilukiskan gambar epal, gambar anak patung, ikan dan sebagainya. Buku jenis ini tidak mempunyai plot dan diperkenalkan oleh kanak-kanak yang berusia 1 hingga 2 tahun. Fungsinya untuk melatih kanak-kanak mengenal dan menyebut nama-nama benda di sekeliling mereka. Apabila kanak-kanak berusia 3 hingga 5 tahun pula, mereka mula didedahkan dengan buku huruf, angka dan konsep yang bertujuan melatih mereka mengenali huruf, angka dan konsep. Seterusnya apabila kanak-kanak meningkat ke umur 6 tahun, mereka mula diperkenalkan dengan buku-buku yang mempunyai plot cerita yang ringkas dan mudah difahami. Walau bagaimanapun kanak-kanak pada peringkat ini masih lagi memerlukan bantuan gambar untuk mendapat informasi. Begitu juga, bagi kanak-kanak berusia 7 hingga 8 tahun, pada tahap umur itu, mereka juga gemar membaca buku-buku cerita bergambar. Apabila mereka membaca cerita, mereka juga turut melihat gambar. Gambar yang berwarna-warni, jelas dan terang merupakan sumber informasi kepada kanak-kanak. Mereka kelihatan gemar membaca buku cerita bergambar. Kemudian apabila umur mereka meningkat kepada 9 hingga 10 tahun, mereka sudah tidak bergantung kepada gambar.

Walaupun bagaimanapun, ramai dalam kalangan mereka masih tertarik kepada bahan-bahan bacaan sastera yang masih bergambar. Pada peringkat umur ini mereka membaca buku-buku yang lebih mencabar minda mereka, contohnya ceritacerita klasik yang lebih mencabar minda mereka. Kemudian di usia 11 hingga 12 tahun, kanak-kanak tertarik kepada cerita-cerita yang lebih abstrak lagi. Pada peringkat umur tersebut mereka mula gemar novel, yang ceritanya agak panjang. Pada peringkat kanak-kanak, banyak unsur-unsur fantasi diterapkan dalam cerita.

Fantasi dalam Cerita Kanak-kanak dalam Pandangan Khalayak Dewasa dan Kanak-kanak

Fantasi merupakan satu unsur yang terdapat dalam cerita dan sangat digemari oleh kanak-kanak. Pada umumnya fantasi bermaksud imaginasi, angan-angan atau khayalan. Dalam sastera kanak-kanak fantasi dapat dibahagikan kepada dua iaitu fantasi moden dan fantasi lama. Unsur fantasi mempunyai fungsi tersendiri dalam sastera kanak-kanak, namun sering diperbahaskan oleh segolongan masyarakat. Kekeliruan akan unsur fantasi dan kepentingannya dalam sastera kanak-kanak bukanlah satu isu baru tetapi telah diperkatakan sejak sekian lama.

Sejak zaman berzaman lagi kanak-kanak gemar membaca buku yang disulami dengan unsur fantasi. 32 tahun yang lalu dalam Bengkel Buku Bergambar, anjuran Cawangan Kanak-kanak, Dewan Bahasa dan Pustaka Molina S. Nijhar ada menyebut cerita-cerita yang sentiasa disukai oleh kanak-kanak seperti cerita pari-pari dan cerita rakyat kerana cerita-cerita ini berakar umbi daripada tradisi lisan yang penuh dengan cerita-cerita yang menarik dan pengalaman emosi yang menyayatkan. Kekuatan yang ada dalam sesebuah cerita, yang diceritakan dengan mudah tetapi begitu dramatik seperti “Arnab dengan Kura-kura” atau “Bagaimana Sang Kancil Menyeberangi Sungai”, terletak pada nilai sastera dalaman yang ada padanya yang dapat mengasyikkan pendengarnya. Berdasarkan kenyataan tersebut jelas menunjukkan cerita berunsur fantasi tetap menjadi pilihan kanak-kanak sejak dari dahulu lagi.

Kini cerita-cerita fantasi tetap menjadi pilihan kanak-kanak. Berdasarkan kajian lapangan di seluruh negeri-negeri di Malaysia yang dibuat secara rawak menunjukkan kanak-kanak masih lagi gemar cerita-cerita berunsur fantasi. Cerita fantasi sentiasa meniti dari bibir kanak-kanak. Mereka gemar kepada sesuatu yang luar biasa dan aneh. Mereka akan menyebut-nyebut sesuatu yang luar biasa dan kelihatan teruja akan keunikan watak-watak tertentu atau sesuatu peristiwa yang aneh. Mereka jelas seronok membaca bahan bacaan yang disulami dengan unsur-unsur fantasi. Namun hal ini berbeza pula dengan pandangan khalayak dewasa. Mereka

tidak 'sebulat suara' bersetuju akan penyerapan unsur fantasi dalam sastera kanak-kanak. Masih ada lagi yang raguragu fungsi fantasi dalam sastera kanak-kanak dan tidak kurang juga yang menentang penyerapan unsur fantasi. Perkara yang dibangkitkan ialah unsur fantasi mengajar kanak-kanak berkhayal dan tidak memberi manfaat kepada kanak-kanak. Hal ini dapat dilihat melalui kenyataan berikut.

Pendidikan ibu bapa kerap menyoal keperluan sastera fantasi kepada kanak-kanak dan remaja. Terdapat dalam kalangan ibu bapa malah guru juga yang beranggapan, bahawa kanak-kanak dan remaja hari ini lebih sesuai didedahkan dengan cerita-cerita semasa yang menampilkan masalah kehidupan harian daripada cerita-cerita fantasi yang jauh daripada realiti kehidupan. Mereka dari golongan realis turut mempersoalkan tentang faedah menerbitkan buku-buku yang berbentuk fantasi-romantik. Apakah perlunya menerbitkan cerita arnab karya Richard Adam setebal 400 muka surat itu? Apakah perlunya memasukkan watak-watak ikan duyung, raksasa, haiwan, pari-pari dalam cerita, sedangkan watak itu tidak wujud dalam dunia realiti? Begitu juga apakah perlunya cerita-cerita binatang atau dewadewi itu diadaptasi untuk bacaan kanak-kanak? Mengapakah bahan-bahan tersebut dipilih dan dijadikan bahan bacaan kanak-kanak. (Mohd Kasim Ismail, 2001:92)

Berdasarkan temu bual pengkaji terhadap 360 orang responden yang dipilih secara rawak daripada pelbagai latar masyarakat yang mewakili setiap zon di Malaysia terdapat pelbagai persepsi terhadap cerita-cerita fantasi.

Walaupun sebahagian masyarakat bersetuju tentang penerapan unsur fantasi dalam sastera kanak-kanak namun terdapat segelintir masyarakat yang kelihatan seolah-olah keliru akan unsur fantasi yang berterap dalam sastera kanak-kanak. Berdasarkan jadual di atas jelas menunjukkan tidak ada sebulat suara daripada masyarakat yang benar-benar yakin akan cerita fantasi juga memberi unsur pendidikan kepada kanak-kanak. Melalui temubual pengkaji dengan masyarakat pada umumnya mereka mengatakan kanak-kanak berasa seronok membaca cerita-cerita sedemikian tetapi pada masa yang sama mereka melahirkan

rasa khuatir jika unsur fantasi dalam karya tersebut akan membawa pengaruh yang tidak baik kepada kanak-kanak seperti mengajar kanak-kanak berkhayal.

Ada juga dalam kalangan mereka dengan terang tidak menggalakkan kanak-kanak membaca buku-buku cerita, Menurut mereka lebih baik menumpukan kepada buku-buku bercorak akademik. Berdasarkan kenyataan-kenyataan tersebut jelas menunjukkan masyarakat belum memahami fungsi atau peranan fantasi dalam sastera kanak-kanak. Mereka menilai sastera kanak-kanak daripada perspektif orang dewasa bukan berdasarkan kepada keperluan perkembangan psikologi kanak-kanak sendiri. Apakah unsur fantasi yang terdapat dalam sastera kanak-kanak tersebut benar-benar tidak sesuai untuk kanak-kanak? Mengapa pula kanak-kanak berasa seronok membaca bahan bacaan yang disulami dengan unsur fantasi? Sudah tentu ada sesuatu yang selari dengan keperluan mereka dan mengapa pula orang dewasa bertindak sebagai penentang kepada minat kanak-kanak. Kanak-kanak 'sebulat suara' mengatakan mereka seronok membaca buku-buku yang mengandungi unsur fantasi.

Fantasi Sebagai Medium Pendidikan kepada Kanak-kanak

Cerita fantasi moden mahupun lama mempunyai makna tertentu. Dalam cerita-cerita rakyat misalnya dapat dilihat makna 'ketabahan dan kecekalan akhirnya membawa kepada kejayaan dan kebahagiaan'. Kanak-kanak berasa terhibur mendengar atau membaca cerita-cerita tersebut. Mereka belajar mengenali pelbagai dimensi kehidupan dan mendapat pengalaman baharu daripada cerita tersebut. Cerita-cerita sedemikian memberi peluang kepada kanak-kanak menilai pelbagai rencah kehidupan daripada pelbagai dimensi kehidupan. Bukan fantasi yang menjadi penekanan tetapi fantasi merupakan alat untuk menarik kanak-kanak untuk memahami makna disebalik cerita tersebut yang mana akan meninggalkan kesan yang mendalam kepada kanak-kanak. Harus disedari insan kanak-kanak bukanlah 'robot'. Mengharapkan mereka bertindak segera dan memahami terhadap setiap suruhan

atau arahan orang dewasa adalah sukar. Unsur fantasi dalam sastera kanak-kanak sedapat mungkin cuba merangsang pemikiran kanak-kanak memahami makna sebuah cerita dan secara tidak langsung menarik mereka secara halus ke arah pembentukan moral yang positif. Objektif akhirnya mesej yang sarat dengan unsur pengajaran dapat disampaikan kepada kanak-kanak.

Apabila kanak-kanak mula memasuki alam persekolahan, mereka mula meluaskan pembacaan membaca buku-buku cerita yang boleh mereka dapati di perpustakaan sekolah. Cerita-cerita yang diselitkan dengan unsur-unsur fantasi menjadi daya tarikan mereka. Pada usia tujuh hingga lapan tahun mereka lebih berminat membaca buku cerita besar bergambar yang turut menyelit unsur-unsur fantasi. Buku cerita besar bergambar seperti Cinderella, Jack Dengan Pokok Kacang Ajaib, Si Comel Bertudung Merah, Goldilocks dan Tiga Ekor Beruang turut menarik minat mereka. Buku-buku tersebut merupakan buku-buku terjemahan yang bukan sahaja menarik minat kanak-kanak di Malaysia malah dikenali juga oleh kanak-kanak serata dunia. Cerita-cerita tersebut tidak mati ditelan zaman. Mengapa cerita-cerita tersebut tidak mati ditelan zaman malah diminati oleh kanak-kanak serata dunia? Malah cerita-cerita tersebut dicetak dalam bentuk buku cerita besar bergambar yang memakan kos yang tinggi. Ini bermakna cerita fantasi sudah mendapat tempat dalam kalangan kanak-kanak sejak sekian zaman. Sudah tentu ada sesuatu yang positif dapat dikutip daripada cerita-cerita fantasi tersebut.

Cerita Fantasi Sebagai Pembentukan Moral yang Baik kepada Kanak-kanak

Kanak-kanak turut mendapat pengajaran daripada bahan bacaan yang menyelitkan unsur-unsur fantasi tersebut. Misalnya dalam cerita Cinderella terdapat unsur pengajaran walaupun cerita tersebut disulami dengan unsur fantasi. Pengajaran yang boleh diambil daripada cerita tersebut ialah kesabaran dan ketabahan akhirnya membawa kepada kebahagiaan. Dalam kisah Cinderella dapat dilihat penderitaan Cinderella yang merupakan mangsa

penderaan ibu dan kakak-kakak tirinya akhirnya berakhir dengan kebahagiaan. Itulah makna disebalik cerita yang cuba diterapkan kepada kanak-kanak. Watak pari-pari sebagai watak pembantu kepada Cinderella itu hanya sebagai daya tarikan kepada kanak-kanak sahaja memandangkan kanak-kanak pada usia sebegini tertarik kepada sesuatu yang luar biasa. Pada akhirnya mereka menyedari sesuatu penganiayaan akan berakhir jua dan pembalasan yang baik kepada mereka yang teraniaya.

Sehubungan itu, Burhan Nurgiyantoro, (2009: 320) ada mengatakan unsur pengajaran atau moral ialah pengertian tentang baik buruk yang diterima umum mengenai perbuatan, sikap, kewajipan, dan sebagainya. Justeru dalam cerita fantasi Jack dengan Pokok Kacang Ajaib pula terdapat pengajarannya yang tersendiri. Pada peringkat awal Jack berasa sedih kerana dimarahi oleh ibunya kerana menukarkan lembu dengan beberapa biji kacang. Sebagai seorang kanak-kanak yang cetek pengalaman, dia tidak tahu nilai seekor lembu. Bagaimanapun Jack mempunyai semangat yang kuat untuk berjasa dan berbakti kepada ibunya. Dia ingin melihat ibunya bahagia. Biji-biji kacang yang dicampak oleh ibunya akhirnya menjadi sebatang pokok kacang yang besar. Di puncak pokok kacang itu, terdapat istana besar. Di atas lantai istana itu terdapat timbunan syiling emas. Malah terdapat itik yang bertelurkan emas. Jack mengambil itik tersebut. Bagaimanapun dikesan oleh gergasi. Di sini berlakunya perjuangan Jack untuk meneruskan kelangsungan hidup dengan keluarganya. Oleh kerana keazaman dan kekuatan semangat yang tinggi serta ingin merubah nasib keluarga akhirnya Jack berjaya mengalahkan gergasi. Makna di sebalik cerita tersebut ialah keinginan seorang kanak-kanak ingin berjasa dan berbakti kepada keluarga. Dia juga ingin menebus kesilapan yang berlaku sebelum ini. Risiko berdepan dengan gergasi adalah satu pengorbanan untuk membawa sinar kebahagiaan bagi meneruskan kelangsungan hidup bersama keluarga.

Dalam kisah Si Comel Bertudung Merah pula memberi pengajaran kepada kanak-kanak bahawa setiap apa yang hendak dilakukan adalah perlu difikirkan terlebih dahulu. Dalam kisah tersebut kerana tidak mendengar nasihat ibunya yang melarang Si

Comel Bertudung Merah bercakap dengan orang yang tidak dikenali telah menyebabkan dia hampir-hampir menjadi mangsa kepada Sang Serigala. Pengajaran yang boleh diambil berdasarkan kisah tersebut ialah kanak-kanak seharusnya mendengar nasihat orang tua untuk mengelakkan daripada perkara buruk berlaku.

Manakala dalam Goldilocks dan Tiga Ekor Beruang juga pengajaran yang dapat dikutip ialah kanak-kanak tidak sepatutnya masuk ke rumah sesiapa sahaja tanpa kebenaran. Pengarang secara tidak langsung telah mengajar kanak-kanak berkenaan adat sopan dan tatasusila terutamanya sesama masyarakat. Kisah Goldilocks yang memasuki rumah keluarga beruang tanpa kebenaran serta menghabiskan makanan anak beruang dan mematahkan kerusi anak beruang adalah suatu yang tidak sepatutnya dilakukan oleh kanak-kanak. Keadaan Goldilocks yang meninggalkan keluarga beruang tanpa meminta maaf juga adalah satu yang tidak harus kanak-kanak ikuti. Oleh yang demikian pengajaran yang terdapat dalam kisah ini ialah kanak-kanak tidak seharusnya bertindak sesuka hati dengan memasuki rumah orang yang tidak dikenali serta melakukan pelbagai kerosakan. Sebagai rumusannya disebalik unsur fantasi terselit unsurunsur pengajaran yang amat bermakna kepada kanak-kanak kearah pembentukan moral yang baik. Unsur fantasi hanya sebagai daya penarik untuk kanak-kanak meneruskan pembacaan seterusnya memahami makna di sebalik cerita. Dengan itu mesej atau pengajaran yang hendak disampaikan dapat diterima oleh kanak-kanak.

Nilai Estetika dalam Cerita Fantasi Mampu Menjana Pemikiran Kreatif

Kanak-kanak Insan kanak-kanak pastinya sangat berminat dan terhibur kepada perkara-perkara yang boleh mendatangkan keseronokan kepada mereka. Penyerapan unsur fantasi yang menarik boleh menjana mereka berfikir dengan lebih kreatif. Pada peringkat umur sebegini mereka mempunyai naluri 'ingin tahu'. Justeru persoalan yang sering ditimbulkan oleh mereka ialah '

mengapa begitu?', 'bagaimana boleh berlaku?', 'apa akan berlaku seterusnya?', dan sebagainya.

Unsur estetika juga dapat dikesan dalam buku fantasi kanak-kanak. Nilai estetika yang terdapat dalam buku cerita bergambar misalnya dapat dilihat berdasarkan kepada aspek fizikal buku tersebut, setiap buku mempunyai ilustrasi gambar yang menarik dan hal ini sudah tentunya dapat menimbulkan keindahannya yang tersendiri. Seperti dalam buku Cinderella, Jack dengan Kacang Ajaib. Goldilocks, Si Ketak dengan Enam Anaknya ilustrasi gambarnya ternyata menarik minat kanak-kanak. Ilustrasi yang diselitkan oleh pengarang dalam setiap buku cerita bergambar begitu menarik dan kanak-kanak boleh tertarik dengannya.

Dalam kesemua buku bergambar ini ilustrator telah menggunakan unsur-unsur seperti warna, peralatan, ruang dengan sepenuhnya dan hal ini boleh menyebabkan kanak-kanak tertarik dengan buku tersebut. Lukisan yang terdapat didalamnya juga bersifat realisme. Kanak-kanak boleh berimajinasi tentang watak yang digambarkan. Contohnya dalam Cinderella melalui gambaran suasana yang cantik dengan istana tersergam indah begitu menarik minat kanak-kanak dan ini telah menimbulkan nilai estetika dan secara tidak langsung keindahan daripada ilustrasi yang tergambar dapat menarik minat kanak-kanak untuk terus menghayati cerita tersebut. Begitu juga dengan cerita Jack dengan Pokok Kacang Ajaib. Ilustrator telah menggambarkan secara realistik berkenaan istana dan pokok kacang yang besar sehingga mampu mencecah ke istana gergasi. Hal ini telah menimbulkan keindahan dari segi fizikal kerana gambaran tersebut disertakan dengan paduan warna yang sesuai. Gambaran diberikan juga bersesuaian dengan cerita. Gambaran dan jalan cerita yang jelas juga menimbulkan nilai estetika. Kanak-kanak dapat membayangkan situasi yang cuba digambarkan oleh pengarang dengan melihat gambar yang disertakan. Malah mereka tertanya-tanya apakah yang akan berlaku selanjutnya. Persoalan tersebut dapat menjana pemikiran kreatif kanak-kanak.

Hal ini selaras dengan pendapat V.I Braginsky, (1994: 14) yang menyatakan konsep keindahan luaran yang dinyatakan yang

dicerap pancaindera berlainan dengan keindahan dalaman yang tersirat, yang tidak dinyatakan dan tidak didasarkan tetapi diserap oleh akal. Keindahan dalam karya bukan hanya terletak pada perkara yang dibincangkan tetapi yang lebih utama ialah bagaimana memaparkannya. Lukisan yang terbagus tidak harus melukiskan orang tercantik di dunia dan karya sastera yang terbaik tidak harus mengisahkan orang yang termulia di dunia. Peristiwa-peristiwa biasa dalam kehidupan sehari-hari yang lesu dan menjemukan dapat menjadi objek dan tema seni yang tinggi mutu keindahannya sekiranya berhasil dipaparkan dengan baik.

Nilai estetika juga dapat ditemui dalam persoalan yang dikemukakan oleh pengarang. Pengarang telah memasukkan elemen seperti suspen, simpati, gembira dan sebagainya. Pengolahan cerita yang rapi disertai dengan penggunaan bahasa yang ringkas dan pendek mudah difahami oleh kanak-kanak dan secara tidak langsung dapat merangsang pemikiran mereka. Ayat-ayat yang ringkas dan mudah adalah bersesuaian dengan kanak-kanak pada peringkat umur tujuh hingga lapan tahun. Mereka akan lebih mudah untuk memahami sesebuah cerita yang dibaca. Pemahaman terhadap sesuatu cerita akan menimbulkan nilai keindahan yang tersendiri iaitu kanak-kanak secara tidak langsung akan melahirkan emosi seperti gembira, meluat sedih dan sebagainya. Malah menggalakkan mereka berfikir daripada peristiwa yang berlaku. Pemilihan perkataan yang ringkas dan mudah adalah seperti berikut:

Di puncak pokok kacang itu, terdapat istana besar. Di atas lantai istana itu terdapat timbunan syiling emas

(Jack dengan Pokok Kacang Ajaib, 2007: 10)

Berdasarkan kepada petikan di atas dapat dilihat pengarang menggunakan ayat yang ringkas dan pendek. Hal ini telah menarik minat kanak-kanak untuk lebih memahami isi penceritaan yang cuba disampaikan oleh pengarang. Perkataan yang digunakan juga adalah perkataan yang dekat dengan kanak-kanak seperti “pokok”,

“syiling”, “istana”. Hasil daripada pengkaji bersama kanak-kanak membaca cerita tersebut, respon kanak-kanak agak pantas seperti ‘ooo duit dapatlah Jack bantu ibunya’, ‘nanti mereka dapat hidup senang’, ‘ya mereka tak lapar lagi’, ‘seronoknya’, ‘tentu ibunya tak marah lagi’. Ini membuktikan bahawa keindahan bahasa dalam erti kata indah dalam konteks kesesuaian dengan kanak-kanak mampu merangsang pemikiran mereka.

Pemilihan perkataan dan tema cerita yang berunsurkan alam juga mampu menarik minat kanak-kanak. Kebanyakan cerita fantasi berkisarkan kisah binatang. Pengarang telah mengolah cerita tersebut seolah-olah binatang mempunyai sifat-sifat manusia. Hal ini telah menimbulkan nilai estetika yang tersendiri. Contohnya dalam cerita Si Ketak dan Enam Anaknya, watak Si Ketak dan anaknya seolah-olah sebuah keluarga manusia yang bahagia. Si Ketak juga digambarkan melakukan kerja seperti seorang manusia iaitu mula bercucuk tanam sehinggalah dapat menghasilkan sebiji kek.

“Keenam-enam anakku boleh membantu aku,” kata Si Ketak. Mereka membancuh tepung gandum untuk dibuat kek. Kemudian, mereka membakarnya (Si Ketak dan Enam Anaknya, 2007: 14).

Pengarang telah memanusikan binatang dengan meletakkan pelbagai sifat manusia seperti bercakap, berfikir, Hal ini secara tidak langsung telah menimbulkan nilai estetika kepada cerita tersebut. pemilihan perkataan yang ringkas dengan suku kata sedikit juga membolehkan kanak-kanak cepat memahami apa yang hendak disampaikan oleh pengarang lewat penceritaannya dalam karya tersebut. Kanak-kanak secara tidak langsung dapat berfikir bahawa sesiapa yang rajin berusaha akan mendapat hasil yang baik. Sabagaimana Si Ketak dan anak-anaknya akhirnya dapat menikmati kek yang enak. Itulah makna cerita yang hendak disampaikan kepada kanak-kanak melalui penyerapan unsur fantasi.

Dalam cerita Pemetong Kayu Yang Jujur juga dapat dikesan nilai estetikanya apabila penceritanya secara bersahaja mampu

membawa pemikiran bahawa kejujuran dan sifat amanah adalah amalan yang mulia kepada kanak-kanak. Penggunaan bahasa yang bersahaja dan ringkas meninggalkan kesan realistik dan senang difahami oleh kanak-kanak. Pada zaman dahulu, seorang pemotong kayu yang miskin telah memotong kayu di tebing sungai, tiba-tiba kapaknya terjatuh ke dalam sungai. Pemotong kayu itu tidak tahu berenang. Pemotong kayu sangat gusar. Hal ini difahami oleh kanak-kanak, kerana monolog yang digunakan dalam cerita tersebut amat jelas. Ini dapat dilihat dalam petikan di bawah.

“Oh, Tuhanku!” katanya. “Kapak aku telah hilang! Apa yang harus aku buat untuk mendapatkannya semula?”
(Pemotong Kayu Yang Jujur, 2007:4)

Kehadiran watak puteri iaitu penunggu sungai membuat kanak-kanak teruja. Mereka tidak sabar untuk mengetahui cerita selanjutnya. Puteri bertanya kepada pemotong kayu tersebut kenapa bersedih. Dengan jujur pemotong kayu memberitahu kapaknya telah hilang. Puteri berjanji akan menolong pemotong kayu tersebut. Berdasarkan kajian lapangan pengkaji bersama kanak-kanak, mereka berasa seronok. Kanak-kanak berasa gembira dengan kesediaan puteri tersebut untuk membantu pemotong kayu. Mereka berkatakata sesama sendiri seperti ‘nasib baik ada orang tolong’, ‘baiknya puteri’, ‘nanti pemotong kayu dapat kapak balik’. Tidak lama kemudian puteri datang membawa sebilah kapak emas, pemotong kayu menafikannya. Kemudian puteri membawa pula kapak perak, sekali lagi pemotong kayu menafikannya. Seterusnya puteri membawa kapak besi milik pemotong kayu tersebut, baharulah pemotong kayu mengakuinya. Memandangkan kejujuran pemotong kayu puteri menghadaiahkan kapak emas dan perak kepadak pemotong kayu tersebut. Kanak-kanak bersorak riang sesudah selesai membaca cerita tersebut. Kehadiran watak fantasi puteri secara tidak langsung telah meninggalkan kesan estetik. Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, perkara pokok yang paling penting ialah makna disebalik cerita tersebut yang memberi pengajaran kepada kanak-kanak.

KESIMPULAN

Penerapan unsur fantasi dalam sastera kanak-kanak bukanlah perkara yang baru, malah sudah digunapakai sejak zaman berzaman lagi dan mempunyai makna dan nilai yang tersendiri. Secara tidak langsung unsur fantasi dapat dijadikan sebagai medium pendidikan dalam sastera kanak-kanak. Tidak kira fantasi moden ataupun lama makna dan nilai yang ingin diterapkan adalah seperti 'ketabahan dan kecekalan akhirnya membawa kepada kebahagiaan', 'kebaikan mengatasi kejahatan', 'kejujuran membawa kepada kebahagiaan', 'kebijaksanaan penting dalam menangani kehidupan' dan sebagainya. Berdasarkan peristiwa yang berlaku akhirnya kanak-kanak dapat mentafsir, membandingkan antara yang positif dan negatif seterusnya menilai yang mana baik dan buruk. Jelas di sini fantasi merupakan daya penarik kepada kanak-kanak untuk meneruskan pembacaan atau menggalakkan kanak-kanak membaca cerita tetapi sebaliknya ada sesuatu pengajaran yang hendak disampaikan kepada kanak-kanak.

RUJUKAN

- Hadijah Rahmat. (2006). *Peranan dan Perkembangan Sastera Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lee Wyndham. (1988). *Writing For Children & Teenagers*. Cincinnati, Ohio: Writer's Digest Books.
- Mc. Caslin, Nellie. (1971). *Theatre for Children*. University of Oklahoma.
- Md. Sidin Ahmad Sidik. (2005). *Perkembangan Sastera Kanak-kanak di Malaysia*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Meigs, Cornelia. (1969). *A Critical History of Children Literature*. New York: Mc Milan Publication Company, Incorporation.
- Misran Rokimin. (2006). *Isu Pendidikan dan Pembangunan Insan Menerusi Novel*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Kassim Ismail. (2001). *Kesusasteraan Kanak-kanak dan Remaja*. Selangor: IDEAL UPM.

- Othman Puteh. (1989). *Sastera Remaja Ditinjau Daripada Beberapa Perspektif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. (1984). *Sekitar Sastera Kanak-kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh, Hashim Awang, Ramli Isin, Sahlan Mohd Saman. (1985). *Mendekati Kesusasteraan Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Zalila Sharif dan Jamilah Hj. Ahmad. (1993) *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.